



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum Anda membeli Allianz i-Cancer Care. Sila memastikan Anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

Institusi Kewangan	: Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Kami")
Nama Produk	: Allianz i-Cancer Care

1. Produk ini berkenaan apa?

Allianz i-Cancer Care adalah pelan perlindungan tulen yang menyediakan perlindungan bagi Kanser Peringkat Awal dan Kanser Peringkat Akhir. Pelan ini tidak mempunyai elemen simpanan atau pelaburan. Tempoh perlindungan untuk pelan ini adalah 10 tahun.

2. Apakah perlindungan/manfaat-manfaat yang diberikan?

- (i) Produk ini menyediakan:

Jadual Manfaat

Manfaat	Pelan 50	Pelan 100	Pelan 200
Kanser Peringkat Akhir (ditolak dengan mana-mana Manfaat Kanser Peringkat Awal setelah dibayar)	RM50,000	RM100,000	RM200,000
Kanser Peringkat Awal (Jumlah Diinsuranskan Asas Dipercepatkan, terhad kepada 1 tuntutan sepanjang tempoh perlindungan)	RM10,000	RM20,000	RM40,000
Elaun Penjagaan Kesihatan (selepas didiagnos dengan Kanser Peringkat Awal atau Peringkat Akhir, terhad kepada 1 tuntutan sepanjang tempoh perlindungan)	RM6,000	RM12,000	RM24,000

Nota: Jumlah Diinsuranskan maximum dihadkan kepada RM200,000.

- (ii) Tempoh Perlindungan untuk pelan ini adalah sepuluh (10) tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- (i) Premium yang perlu anda bayar adalah bergantung kepada umur kemasukan (hari jadi terdekat) dan jantina Orang yang Diinsuranskan dan pelan yang dipilih.

Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

Sila merujuk kepada jadual premium berikut untuk premium tahunan yang perlu dibayar:

Jadual Premium (tidak termasuk kadar cukai kerajaan)

Umur Kemasukan	Lelaki			Perempuan		
	Pelan 50	Pelan 100	Pelan 200	Pelan 50	Pelan 100	Pelan 200
18 – 24	216	271	365	248	326	489
25 – 29	228	300	449	300	435	707



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

30 – 34	263	367	557	381	584	1,031
35 – 39	313	462	747	496	811	1,455
40 – 44	408	639	1,119	638	1,119	2,000
45 – 49	583	1,001	1,813	859	1,558	2,744
50 – 54	896	1,642	2,984	1,086	1,992	3,636
55 – 60	1,566	2,897	5,321	1,345	2,479	4,578

- (ii) Tempoh pembayaran Premium untuk pelan ini adalah sepuluh (10) tahun.
- (iii) Pembayaran Premium boleh dibuat secara bulanan atau tahunan.
- (iv) Kadar Premium yang tertera adalah rata (iaitu tidak meningkat kerana Orang yang Diinsuranskan semakin membesar) dan ia tidak dijamin dan tertakluk kepada semakan pada masa hadapan. Kami berhak untuk menyemak semula kadar premium dengan memberi suatu notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu sebelum ulang tahun polisi berikutnya.
- (v) Jadual Premium di atas tidak termasuk kadar cukai kerajaan yang berkenaan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada yuran dan caj akan dikenakan.

5. Bolehkah saya memperbaharui polisi saya selepas tamat tempoh perlindungan?

- a) Pada tamatnya polisi ini, anda mempunyai opsyen untuk memperbaharui polisi untuk tempoh perlindungan yang sama pada masa matang tanpa bukti kebolehinsuransan jika syarat berikut dipenuhi:
 - (i) Orang yang diinsuranskan adalah di bawah umur kemasukan maksimum; dan
 - (ii) Tiada tuntutan telah dihantar dan diluluskan oleh Kami; dan
 - (iii) Pemegang polisi mesti memberitahu Kami tentang keputusannya untuk melaksanakan opsyen ini tidak lebih awal dari 30 hari sebelum Tarikh Kematangan / Tarikh Akhir dan tidak lewat daripada 30 hari selepas itu dengan memberi notis bertulis kepada Kami untuk memberi kesan sedemikian; dan
 - (iv) Satu polisi baru akan dikeluarkan atas nama Orang yang Diinsuranskan pada umur dicapai dan pada kadar premium yang berkenaan; dan
 - (v) Jumlah yang diinsuranskan bagi polisi baru tidak boleh melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi polisi yang telah luput; dan
 - (vi) Tempoh perlindungan untuk polisi baru akan sama dengan polisi yang telah luput; dan
 - (vii) Keputusan pengunderitan bagi polisi yang telah luput akan dikenakan kepada polisi baru.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?

- (i) **Kepentingan Pendedahan** – Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur dan jantina Orang yang Diinsuranskan dengan betul.
- (ii) Pelan ini tidak melindungi **Keadaan Sedia Ada**. Keadaan Sedia Ada bermaksud mana-mana hilang upaya (fizikal atau mental) Orang yang Diinsuranskan di mana hilang upaya tersebut adalah salah satu yang mana:
 - a. Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan; dan/atau
 - b. nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah dicadangkan; dan/atau
 - c. simptom yang jelas dan nyata adalah terbukti.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

- (iii) **Tempoh Percubaan** – Anda berhak membatalkan polisi anda dengan mengembalikannya dalam masa lima belas (15) hari selepas anda telah menerima polisi anda. Jumlah Premium yang telah dibayar oleh anda (setelah ditolak sebarang perbelanjaan perubatan) akan dipulangkan kepada anda.
 - (iv) **Tempoh Penangguhan** – Anda diberi tempoh penangguhan selama tiga puluh satu hari (31) dari tarikh premium perlu dibayar untuk anda menjelaskan premium anda, di mana tempoh polisi anda masih lagi berkuatkuasa.
 - (v) **Tempoh Menunggu** – Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula seratus-dua puluh (120) hari bagi Kanser Peringkat Akhir dan enam puluh (60) hari bagi Kanser Peringkat Akhir selepas Tarikh Terbitan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudiannya.
 - (vi) **Tempoh Bertahan** – Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula dengan syarat anda masih lagi hidup untuk sekurang-kurangnya tujuh 7-hari dari tarikh diagnosis untuk Kanser Peringkat Awal dan sekurang-kurangnya tiga puluh 30-hari dari tarikh diagnosis untuk Kanser Peringkat Akhir.
 - (vii) **Penguatkuasaan Semula** – Sekiranya polisi anda luput kerana premium tidak dibayar, anda boleh atas persetujuan daripada kami, untuk menguatkuasakan semula pada bila-bila masa dalam masa tiga (3) tahun dari tarikh premium yang dimungkiri. Anda boleh merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat untuk penguatkuasaan semula.
- (viii) Anda hanya dibenarkan untuk membeli satu polisi bagi setiap hayat.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap di bawah Pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah Pelan ini?

- a) Pelan ini tidak akan melindungi sebarang Kanser Peringkat Awal atau Peringkat Akhir yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, akibat daripada sebarang satu (1) kejadian di bawah:
 - (i) Penyakit Sedia-Ada; sama ada diisyiharkan kepada kami atau tidak;
 - (ii) Apa-apa penyakit atau pembedahan selain dari diagnosis atau pembedahan untuk Kanser Peringkat Awal atau Peringkat Akhir seperti yang ditakrifkan;
 - (iii) Kanser Peringkat Awal atau Peringkat Akhir yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Keadaan Sedia Ada sebagaimana yang ditakrifkan, telah wujud sebelum Tarikh Terbitan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian;
 - (iv) Percubaan membunuh diri, kecederaan tubuh badan sendiri yang disengajakan, kelakuan tidak senonoh Orang yang Diinsuranskan; atau pendedahan diri oleh Orang yang Diinsuranskan kepada bahaya yang tidak sepatutnya secara sengaja atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang, tanpa mengambil kira siuman atau tidak siuman;
 - (v) Sebarang Kanser Peringkat Awal atau Peringkat Akhir yang telah didiagnosis disebabkan penyakit atau kecacatan kongenital secara langsung atau tidak langsung yang mana menunjukkan atau didiagnosis sebelum orang yang diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun yang mana kami tidak menyedari pada masa tarikh terbitan;
 - (vi) Jangkitan oportunistik atau neoplasma malignan sekiranya pada masa Peristiwa yang Diinsuranskan, terdapat pada diri Orang yang Diinsuranskan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit. Jangkitan oportunistik termasuk tetapi tidak terhad kepada



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pneumonia pneumocystis carini, organisme enteritis kronik, virus dan/atau jangkitan diseminasi fungus. Neoplasma malignan termasuk tetapi tidak terhad kepada sarkoma Kaposi, limfoma sistem pusat nervus, leukaemia hairy-cell dan/atau malignan lain yang diketahui sekarang atau akan diketahui sebagai penyebab serta-merta Hilang Upaya dalam kehadiran Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit;

- (vii) Dengan mengambil dadah, kecuali ia terbukti bahawa dadah tersebut telah diambil selaras dengan preskripsi perubatan yang betul dan bukan untuk rawatan penagihan dadah;
- (viii) Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau jangkitan dari mana-mana Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) kecuali syarat-syarat tertentu sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kontrak Polisi ini;
- (ix) Sengaja penyalahgunaan dadah atau alkohol, ketika siuman atau tidak siuman; atau
- (x) Mana-mana Kanser Peringkat Awal atau Peringkat Akhir yang kali pertama wujud dalam Tempoh Menunggu.

8. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi suatu notis bertulis kepada kami. Tiada nilai serahan tunai semasa pembatalan polisi ini.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami untuk mengemaskini maklumat hubungan terbaru anda termasuk alamat rumah anda dan alamat rumah penama dan/atau pemegang amanah anda, sekiranya ada, bagi memastikan semua surat-menjurat dapat disampaikan kepada anda atau penama dan/atau pemegang amanah anda pada masa yang tepat.

10. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Bukti umur Orang yang Diinsuranskan diperlukan sebelum mana-mana pembayaran manfaat di bawah polisi yang diterbitkan berikutkan permohonan ini kecuali umur telah diakui sebelum ini dan disahkan oleh kami sebagai betul. Anda boleh melayari www.allianz.com.my untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan anda (jika ada) kepada kami secepat mungkin.

11. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila melayari www.mycoverage.my/insurans hayat/.

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A

Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Customer Contact Center : 1 300 22 5542

Emel : customer.service@allianz.com.my



Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

12. Perlindungan lain seumpama yang ditawarkan.

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang perlindungan yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

NOTIS PENTING:

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA.
ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN KAMI
UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Notis Penting Lain:

1. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa juga impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunakan dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah setakat Tarikh Terbitan.